

"PERODUA KANCIL" SESUAI UNTUK PEMANDU BARU ATAU KERETA KEDUA

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Perodua Kancil, kereta nasional kedua, seharusnya dilihat sebagai sesuai bagi pemandu baru atau sebagai kereta kedua, kata Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata "Kancil" yang berkuasa 600 c.c mampu dimiliki dan ekonomikal untuk dipandu.

Kereta nasional kedua akan dijual di pasaran tempatan dan jika ia berpontensi untuk dieksport, ia adalah faktor bonus, katanya kepada para pemberita selepas melancarkan nama pengeluar kereta kedua dan kereta tersebut di sini.

Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), syarikat pemilikan kereta nasional kedua, akan mempunyai dua anak syarikat milik penuh.

Anak-anak syarikat itu ialah Perodua Manufacturing Sdn Bhd dan Perodua Sales Sdn Bhd.

Beliau mengulangi kenyataan bahawa "Kancil" tidak akan memberi persaingan kepada pasaran kereta Proton kerana kereta tersebut bertujuan untuk pasaran yang berbeza.

Enam pemegang saham Perodua terdiri dari UMW Corporation Sdn Bhd (38 peratus ekuiti), Daihatsu Motor Co. Ltd of Japan dan Med-Bumikar Mara Sdn Bhd (20 peratus masing-masing), PNB Equity Resource Corp (10 peratus), Mitsui & Co. Ltd (tujuh peratus) dan Daihatsu (Malaysia) Sdn Bhd (baki lima peratus)

Perodua akan mempunyai modal permulaan dibenarkan sebanyak RM500 juta dan modal berbayar RM140 juta.

Pengarah urusan Perodua Encik Ho Tet Kheong memberitahu para pemberita pada satu persidangan akhbar bahawa kancil akan mempunyai kandungan tempatan permulaan sebanyak 50 peratus yang akan ditingkatkan kepada 70 peratus "dalam tempoh beberapa tahun".

Beliau berkata lebih 50 pembekal (vendor) menyertai rancangan pembekalan kadungan tempatan, kebanyakannya terdiri daripada pembekal alatganti Proton.

Para pengedar akan dilantik tidak lama lagi, katanya sambil menambah bahawa jumlah pengedar dijangka mencukupi untuk meliputi Malaysia.

Beliau menyifatkan "Kancil" sebagai kereta mempunyai ciri-ciri pemeliharaan alam sekitar kerana ianya mempunyai keupayaan enjin yang kecil.

Logo "Kancil" yang menggambarkan kancil melompat dengan berlatar belakang hijau, melambangkan kereta sebagai kereta yang kompak, mudah untuk dikendalikan dan memelihara alam sekitar. -- Bernama